Home » Pembabitan GP dalam PICK di Lembah Klang dihentikan sementara waktu



Gambar hiasan.

# Pembabitan GP dalam PICK di Lembah Klang dihentikan sementara waktu

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR 26 Ogos 2021, 4:35 pm

PUTRAJAYA – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan, tiada lagi janji temu yang akan diberikan kepada pengamal perubatan swasta (GP) di Lembah Klang buat masa ini.

Perkara itu dimaklumkan oleh Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Dr. Siti Hamisah Tapsir dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah menerusi kenyataan akhbar bersama hari ini.

Kenyataan itu berkata, keputusan menghentikan sementara waktu GP dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) di Lembah Klang dibuat atas pelbagai faktor termasuk selepas mengambil kira keperluan kapasiti pusat pemberian vaksin (PPV), jumlah vaksin, bekalan vaksin serta bilangan penduduk yang masih perlu diimunisasi.

Menurutnya, kedua-dua kementerian mengambil maklum akan polemik membabitkan GP seperti dilaporkan di media massa dan ingin menjelaskan mengenai perkara tersebut supaya ia tidak disalah erti oleh masyarakat

Jelas kenyataan itu, penglibatan GP di negeri-negeri selain di Lembah Klang berjalan seperti biasa buat masa ini manakala pembabitan GP pada masa depan akan diputuskan sejajar dengan tatacara dan keperluan PICK pada masa depan.

"Untuk masa hadapan, keperluan seperti dos penggalak, vaksinasi remaja berumur 12 hingga 17 tahun serta vaksinasi berterusan untuk pendaftar baharu adalah di bawah KKM.

"Pengoperasian keperluan ini memerlukan perbincangan teliti, termasuklah menerima pandangan pakar untuk diubah menjadi polisi dengan kelulusan di pelbagai peringkat," katanya.

digubal menjadi polisi dengan kelulusan di pelbagai peringkat," katanya.

Dalam perkembangan sama, katanya, tinjauan rambang menunjukkan bahawa masih ada lagi individu di Lembah Klang yang masih belum disuntik vaksin. -K! ONLINE

**Jika anda mengalami kemurungan dan tekanan hubungi:**

**MHPSS di 03-29359935 atau 014-3223392**
**Talian Kasih 15999 / WhatsApp Talian Kasih di 019-2615999 (Bagi pelbagai bantuan aduan keganasan rumahtangga dan pelbagai lagi masalah seperti penderaan);**
**KSK-Care JAKIM di WhatsApp 011-19598214**
**Befrienders Kuala Lumpur di talian 03-76272929**


## BERITA SELANJUTNYA

by

Lelaki maut selepas letak gam pada zakar

1,605 PPV pengamal perubatan swasta akti…

AD

Your one-stop destination to find the…

AD

Pelaburan Bitcoin RM1,000 Yang Membu…

'Air mata, kopiah dah tak boleh selamatkan…

'Hari ini hidup, esok sudah meninggal'

Perak sasar capai imuniti kelompok…

Empat lelaki bertempiaran lari elak…

Semua masih belum selamat

POPULAR




PSG geram cara Real

27 Ogos 2021, 12:00 pm




Senarai penuh barisan Kabinet baharu

27 Ogos 2021, 11:58 am






**Lelaki takut 'tinted' van jenazah cuit hati orang ramai**

27 Ogos 2021, 11:53 am




**Pertembungan gergasi saingan Kumpulan B**

27 Ogos 2021, 11:48 am

BERITA BERKAITAN




**Senarai penuh barisan Kabinet baharu**

27 Ogos 2021, 11:58 am





PM umum Kabinet baharu tanpa TPM

27 Ogos 2021, 11:33 am



'Dua kali saya terfikir mahu bunuh diri sewaktu PKP'

27 Ogos 2021, 10:42 am



Sakit mental jadi pembunuh senyap

27 Ogos 2021, 10:30 am




PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami